

01 DEC 2000

Mahathir-Yayasan

YPEIM PUNYAI POTENSI MENJADI INSTITUSI PENTING, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) mempunyai potensi untuk muncul sebagai sebuah institusi penting dan relevan dengan keperluan semasa.

Ia boleh menjadi lambang perpaduan dan semangat tolong menolong memandangkan kejayaan YPEIM dalam usaha menggembeleng sumbangan amal jariah masyarakat dan menguruskannya dengan baik, kata Perdana Menteri.

Beliau berkata ini menggambarkan dengan jelas bahawa potensinya adalah cerah untuk merealisasikan usaha mewujudkan sumber dana yang besar dan bakal menjadi satu sumber kekuatan umat Islam pada masa depan.

"Berdasarkan tahap profesionalisme pengurusan yang tinggi saya penuh yakin YPEIM mampu menguruskan dana itu dengan teratur dan berkesan," katanya semasa melancarkan Kempen Sebulan Beramal Jariah peringkat nasional dan Skim Amal Jariah YPEIM di Kompleks Pusat Islam, di sini.

Beliau berkata pengurusan YPEIM wajar dicontohi oleh institusi atau badan lain yang turut terlibat dalam menguruskan sumbangan masyarakat.

Perdana Menteri berkata penekanan YPEIM terhadap pembangunan masyarakat adalah seiring dengan usaha kerajaan dalam meneruskan strategi memantap dan merangsang pertumbuhan ekonomi negara dalam jangkamasa sederhana dan panjang.

Beliau juga yakin YPEIM adalah saluran terbaik bagi masyarakat Islam termasuk sektor korporat untuk menunaikan tanggungjawab sosial mereka.

Oleh itu, katanya usaha terbaru YPEIM memperkenalkan saluran bagi masyarakat Islam beramal jariah menggunakan teknologi terkini seperti skim-skim E-Jariah, Tele-Jariah dan Auto-Jariah yang dilancarkan hari ini merupakan mekanisme terbaik bagi masyarakat di era teknologi maklumat dan multimedia menunaikan tanggungjawab mereka.

Skim utama yang dilancarkan hari ini ialah Skim Potongan Gaji dan Skim Korporat Penyayang.

Dr Mahathir berkata di Malaysia amalan bersedekah atau beramal jariah dipraktikkan secara meluas dan ini membuktikan bahawa budaya itu bukan sesuatu yang baru kepada masyarakat dan kerajaan menyokong penuh langkah YPEIM dalam menghidup dan menyuburkan budaya berkenaan.

"Saya berharap usaha ini mendapat sokongan yang tidak berbelah bagi dari masyarakat, sama ada sektor awam ataupun swasta dan kerajaan akan memberi apa jua bentuk bantuan yang perlu bagi memastikan hasrat besar ini benar-benar menjadi kenyataan," kata Dr Mahathir.

Semasa bercakap kepada pemberita kemudian, Perdana Menteri berkata pengurusan segala kerja kebajikan Islam di Malaysia adalah lebih teratur daripada kebanyakan negara Islam yang lain.

Mengenai kerja-kerja amal jariah, beliau berkata tidak perlu diadakan saluran khas ataupun perundangan birokrasi yang terlalu ketat, bahkan digalakkan juga kalau sesiapa ingin menderma dengan begitu sahaja secara persendirian kerana menghulur derma dengan sendiri juga ada baiknya.

"Kita tidak boleh terlalu birokratik dalam perkara ini," katanya.

Dr Mahathir juga berkata adalah perlu bagi negeri-negeri menguruskan akaun dana kebajikan Islam mereka dengan cara yang lebih telus seperti yang dilakukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sementara itu Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YPEIM Datuk Ahmad Tajudin Abdul Rahman berkata pelbagai program yang dilancarkan yayasan itu bagi membantu pembangunan sosio-ekonomi masyarakat setakat ini telah

memberi manfaat kepada dua juta orang.

Antara program itu ialah skim mikro kredit (Ar Rahnu), skim amanah niaga bandar, skim usaha perintis, skim peniaga kecil berdaya maju, program kecemerlangan komuniti dan skim kecemerlangan pendidikan anak-anak yatim.

Katanya keperluan terhadap program-program berkenaan terus meningkat dari semasa ke semasa dan bagi perancangan lima tahun akan datang, keperluan pembiayaan termasuk untuk pengembangannya dianggarkan berjumlah RM260 juta bagi faedah lebih lima juta orang.

"Jumlah ini kami anggap agak besar dan penyediaan prasarana untuk masyarakat terbabit menjayakan program ini adalah relevan," katanya.

YPEIM ialah sebuah institusi yang ditubuhkan kerajaan pada 13 Okt 1976. Bagi menggerakkan potensi dan meluaskan peranan yayasan itu, ia disusun dan dilancarkan semula oleh Dr Mahathir pada 20 Julai 1984.

Mengenai kempen Sebulan Beramal Jariah itu, Ahmad Tajudin berkata ia akan memudahkan dermawan serta bakal penyumbang menunaikan hasrat beramal jariah terutama melalui pengenalan beberapa program baru.

-- BERNAMA

RV HS ES RON